

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam ENAM [6] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan.

1. "Herodotus telah menampilkan beberapa ciri baru yang membolehkan karyanya itu dianggap sebagai karya pensejarahan. Atas hakikat itu dunia Barat telah menganggapnya sebagai 'bapa sejarah'". (Muhd. Yusof Ibrahim)

Bincangkan.

2. "Berat sebelah dan benci terhadap sesiapaupun adalah tidak wajar bagi seseorang penulis sejarah". (Tacitus)

Sejauh manakah Tacitus berjaya berpegang kepada ciri-ciri ini di dalam penulisannya?

3. "Ranke bukan sahaja tidak berjaya menghasilkan karya sejarah yang objektif malahan beliau adalah seorang ahli sejarah yang paling berat sebelah". (Charles A. Beard)

Telitikan kebenaran hujah ini.

4. "Tidak semestinya setiap penulisan yang ditaja oleh pemerintah itu perlu bersifat dakyah. Tetapi memandang kepada tujuan penulisannya dan perkembangan yang membawa kepada ianya dihasilkan adalah sukar untuk membuktikan tiada unsur pendakyahan di dalam penulisan Sejarah Melayu". (Abdul Rahman Haji Ismail)

Bincangkan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. "Memanglah secara amnya diakui bahawa politik adalah perkara yang boleh dikaji dari sudut sejarah." (R.G. Collingwood).

Bincangkan.

6. Sila baca dokumen yang dilampirkan dan jawab soalan-soalan di bawah:

(a) Daripada dokumen yang dilampirkan dapatkah si pembaca membuat tanggapan tentang jenis-jenis pekerjaan bangsa Melayu bagi menggambarkan kedudukan ekonomi Melayu pada masa itu?

(b) Berdasarkan dokumen ini dapatkah anda sesuatu gambaran tentang pendirian orang Melayu terhadap orang-orang bukan Melayu di Tanah Melayu pada masa tersebut?

(c) Profesor Butterfield pernah mengatakan, antara lain, bahawa pengkajian masa lampau dengan 'sebelah mata' kepada masa kini adalah sesuatu yang "taksejarah". Pada pandangan anda mungkinkah seseorang yang meneliti penulisan yang dilampirkan melakukan sesuatu yang ditakuti oleh Profesor Butterfield ini?

7. Sejauh manakah pentingnya peranan seorang tokoh agung di dalam sesuatu pergerakan sejarah? Berikan jawapan anda di dalam konteks mana-mana pergerakan politik dalam sejarah Tanah Melayu.

8. Pada pendapat anda terdapatkah kesulitan yang sukar di atasi sekiranya seseorang sejarawan ingin melakukan pengadilan moral di dalam penulisannya?

.../3

.../DOKUMEN

DOKUMEN

IKTISAD MELAYU

Menurut sebagaimana yang tersebut di dalam "kertas Putih" bahawa memberi hak kerakyatan kepada orang-orang dagang itu adalah sangat-sangat memberi suatu kesan yang besar kepada orang-orang Melayu. Apabila seorang dagang diberi hak kerakyatan bermaknalah ia akan mempunyai hak yang sama dengan orang-orang Melayu sama ada di dalam perlumbaan pekerjaan di dalam pejabat kerajaan ataupun di dalam hak-haknya kepada tanah. Di dalam sembilan buah negeri-negeri Melayu itu keadaan mempunyai hak tanah di antara sebuah dengan sebuah negeri sangat-sangat berlainan. Umpamanya di Kelantan seorang dagang sangat-sangat payah hendak membeli sebidang tanah kerana penuh segala syarat-syarat serta persetujuan ahli-ahli kampung itu dan keadaan yang demikian itu bersalahan dengan keadaan di Johor didalam mana orang-orang asing boleh dibilang sangat senang berjual beli tanah dan oleh yang demikian itulah Kelantan sangat-sangat kuat mempertahankan haknya kerana umat Kelantan sedar bahawa kerugian yang sangat besar telah sampai ke pintu mereka.

Kita orang-orang Melayu terkenal boros, terkenal orang-orang yang berserah sahaja. Jika ia kematian maka tidak habis-habisnya berkenduri kendara lepas tiga hari -- menuju hari dan seterusnya kenduri ini dan itu dan jika tidak ada wang, menjual harta benda dan tanah sawahnya. Jika ia hendak pergi haji maka dengan mudahnya ia menjual rumahnya dan sawahnya dan apabila ia balik baharulah memulakan semula

.../4

pekerjaannya membuka sawah baharu. Inilah adat-adat kebanyakan orang-orang kita yang telah melemahkan kedudukannya di dalam medan iktisad sehingga dengan mudahnya bangsa asing membeli tanah bendangnya dan terkadang-kadang namanya sahaja Melayu yang punya tetapi hasilnya dipungut oleh Cina atau India kerana tanah itu telah tergadai kepada orang-orang dagang itu.

Dengan keadaan yang demikian inilah lepas sebuah sebuah lagi tanah-tanah hak Melayu tergadai atau terletak ke dalam tangan bangsa dagang dan kejadian ini akan bertambah-tambah lebih hebat lagi iaitu apabila orang-orang dagang itu akan dapat hak kerakyatan di dalam Malayan Union ini.

Medan siasah bangsa Melayu pada masa yang akan datang semata-mata akan bergantung kepada kekuatan iktisadnya -- tidak dikawal lagi oleh kerajaan atau rajanya. Raja-Raja Melayu haknya tidak seperti dahulu lagi tetapi ia hanya sebagai ketua orang-orang Melayu sahaja dan jika iktisad orang-orang Melayu kuat maka rajanya akan kuat pendiriannya, dan jika iktisad orang Melayu lemah maka rajanya akan lemah juga perdiriannya. Oleh sebab itu bagi mustahak masa hadapan maka hendaklah kita orang-orang Melayu menyusun suatu barisan iktisad yang dimulai daripada kampung-kampung membawa kepada bandar-bandar. Orang-orang kampung hendaklah bersama-sama menjual hasil tanahnya kepada kesatuannya sendiri yang berpusat di dalam bandar-bandar yang besar-besar dan bagi keperluan kampung-kampung itu hendaklah orang-orang kampung itu membeli daripada pusat-pusatnya di bandar-bandar itu dibahagi-bahagikan di dalam kampung-kampung. Tiap-tiap

seorang penghulu hendaklah mengadakan kawalan di dalam kampung-kampungnya supaya jangan ada hasil-hasil kampung itu terjual kepada bangsa-bangsa lain dan penghulu-penghulu itu mestilah bertanggungjawab untuk memerhatikan apa-apa keperluan kampung-kampung. Pekebun-pekebun getah umpamanya hendaklah dihimpunkan sesamanya dan demikianlah seterusnya dan sesiapa daripada orang-orang kampung mereka yang berasa tidak puas hati cara pembahagian ataupun sebagainya hendaklah menyampaikan perkara itu kepada orang-orang yang lebih di atas daripadanya.

Penyiasatan-penyiasatan hendaklah diadakan bagi menyiasat jangan ada berlaku orang-orang yang gelap mata memerah titik peluh orang untuk keperluan dirinya sendiri dan sesiapa daripada penduduk-penduduk kampung itu daripada orang-orang Melayu yang tidak suka mencampurkan dirinya kedalamnya dengan tiada suatu sebab yang ma'kul atau kerana dijadikan perkakas oleh bangsa lain maka hendaklah orang itu dipulaukan oleh penduduk kampung itu. Masanya membuat yang demikian ini telah tiba dan mesti diatur dengan segeranya dengan bantuan pegawai-pegawai Melayu yang berpengaruh di dalam negeri-negeri masing-masing. Pekerjaan ini tidak mudah dijalankan dan patut diingat janganlah ada kelak semut putih berpengaruh di dalamnya.

Kesimpulannya ialah orang-orang ahli-ahli pekebun getah hendaklah bersatu demikian juga ahli-ahli pekebun kelapa dan sebagainya dan ahli-ahli perniagaan kecil pun hendaklah bersatu juga dan mengambil keperluannya kepada sebuah tempat syarikatnya yang memesan banyak-banyak ke negeri asing untuk

.../6

keperluan mereka yang dipercayai akan dapat murah harganya. Cara syarikat berkerjasama dahulu janganlah diikuti tetapi ikutlah cara kita sendiri yang difikirkan sesuai dengan keadaan masa sekarang. Jika keadaan yang demikian itu dapat tersusun dan teratur maka tak dapat tiada iktisad bangsa Melayu boleh dipertahankan yang bermakna juga siasah bangsa Melayu akan sentiasa terpandang serta Raja-Raja Melayu akan sentiasa dimuliakan dan jadilah seperti kata Laksamana Hang Tuah "Melayu Tak Akan Hilang Daripada Dunia". Kejayaan ini akan didapati semata-mata bergantung di atas kemahuan orang-orang Melayu sendiri.

Petikan daripada Edrus, Malayan Union: Suara Melayu Ke Parlimen (jawi), (Singapura, 1946), halaman 150 - 153.

-ooo000ooo-